

Media Title : Sinar Harian  
Headline : Tiga mangsa rugi lebih RM200,000 ditipu dalam talian  
Date : 16 August 2023  
Section : Negeri  
Page : 26



## Tiga mangsa rugi lebih RM200,000 ditipu dalam talian

**KUANTAN** - Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pahang menerima tiga laporan berkaitan tipu dalam talian melibatkan kerugian sebanyak RM214,655.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, kes pertama merupakan ahli perniagaan berusia 36 tahun yang berminat membeli kereta jenis Toyota Alphard diiklankan di Facebook dengan harga RM120,000 pada 29 Julai lalu.

"Mangsa menyedari dirinya ditipu selepas 15 kali transaksi dibuat ke dalam lima akaun berbeza sehingga mengakibatkan kerugian RM76,531.

Sumber kewangan adalah wang simpanan mangsa," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata, dalam kejadian berasingan, seorang warga emas terpedaya dengan penawaran saham tidak wujud pada 23 Julai lalu.

Menurutnya, lelaki berusia 58 tahun itu berkenalan dengan seorang individu di TikTok dan ditawarkan pelaburan saham FXDD dengan dijanjikan pulangan lumayan.

"Mangsa memasukkan wang simpanannya RM76,158 ke dalam lima akaun berbeza bagi tujuan pelaburan.

"Mangsa menyedari mula ditipu kerana suspek masih meminta wang tambahan, namun pulangan yang dijanjikan tidak diperoleh," katanya.

Yahaya berkata, kes ketiga membabitkan seorang lelaki berusia 58 tahun yang mendakwa menerima panggilan telefon daripada kakitangan Pos Laju kerana barang berharga tidak dituntut pada Ahad.

Katanya, mangsa memberikan maklumat akaun bank miliknya dan menyedari ditipu setelah pihak bank memaklumkan duitnya berkurangan sebanyak RM61,976.